

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling** sesuai.

- 1 Pendaki itu bergambar di _____ Gunung Kinabalu sambil mengibarkan Jalur Gemilang.
A luar
B sudut
C dalam
D puncak

- 2 Rasa pisang berangan yang belum cukup masak agak _____ sedikit.
A kelat
B tawar
C manis
D masin

- 3 *Pilih ayat yang betul.*
A Abang membeli cili sos di kedai.
B Emak memasak nasi bubur untuk adik.
C Semua ahli keluarga Ahmad memakai cermin mata kecuali ibunya.
D Puan Nora menghidangkan sepinggan goreng pisang kepada anak-anaknya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Puan Siti mengusahakan perniagaan kuih-muih. Kuih yang dijualnya ialah karipap, pau dan donat. Dia juga menjual kuih lapis dan lepat pisang yang dibuat oleh jirannya.

Gerai Puan Siti terletak di Kampung Baru. Pelanggan kuihnya dari kampung sekitar seperti Kampung Sentosa, Kampung Sepakat dan Kampung Permai. Sebiji kuih dijual dengan harga 50 sen. Jualan kuihnya sentiasa laris kerana rasanya enak.

- 4 Di manakah letaknya gerai Puan Siti ?
- A Kampung Baru
 - B Kampung Permai
 - C Kampung Sentosa
 - D Kampung Sepakat
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Puan Siti menjual di gerai jirannya.
 - B Dua biji kuih dijual dengan harga 50 sen.
 - C Jualan kuihnya sentiasa laris kerana rasanya enak.
 - D Pelanggan Puan Siti dari Kampung Sentosa sahaja.
- 6 Berikut ialah kuih yang dibuat oleh Puan Siti *kecuali*
- A pau.
 - B donat.
 - C karipap.
 - D lepat pisang.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Melisa dilantik sebagai ketua kelas. Melisa sedar akan tanggungjawabnya yang besar. Setiap pagi, Melisa membantu guru mengurus kelas mereka. Dia sentiasa memastikan semua rakan sekelas melaksanakan tugas mengikut jadual.

Melisa sentiasa menepati masa. Dia tidak pilih kasih semasa menjalankan tugas. Selain itu, dia sentiasa memastikan rakan-rakannya *mematuhi* peraturan kelas. Dia yakin disiplin asas utama kecemerlangan seseorang.

BAHAN 2

TANGGUNGJAWAB KETUA PENGAWAS

Membantu guru
bertugas

Melaksanakan
tugas yang
diberikan



Menasihati murid
supaya *mematuhi*
peraturan sekolah

Menjadi contoh
kepada rakan.

- 7 Tanggungjawab ketua kelas ialah
- A menjalankan tugas dengan pilih kasih.
 - B menjadi contoh kepada guru.
 - C membantu guru mengurus kelas.
 - D membantu guru bertugas.

8

Melisa membantu guru mengurus kelas mereka.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C orang.
- D kawan.

9 Perkataan *mematuhi* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A mencari.
- B menuruti.
- C membawa.
- D mengambil.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Melisa yakin disiplin asas utama kecemerlangan seseorang.
- B Ketua pengawas memarahi murid yang tidak mematuhi peraturan sekolah.
- C Ketua pengawas membantu guru mengurus kelas.
- D Ketua kelas menasihati murid-murid mematuhi peraturan sekolah.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sekolah Kebangsaan Damai telah mengadakan Program Alam Sekitar. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk menghijaukan kawasan sekolah.

Aktiviti dimulakan dengan taklimat daripada Cikgu Faizal. Seterusnya murid-murid diingatkan supaya berhati-hati ketika melakukan aktiviti yang menggunakan alat tajam seperti cangkul. Pokok yang ditanam apabila sudah hidup subur boleh meredupkan serta menceriakan kawasan sekolah.

- 1 (a) Taklimat Program Alam Sekitar disampaikan oleh _____.

[1 markah]

- (b) Apakah tujuan Program Alam Sekitar diadakan?

[2 markah]

- (c) Bulatkan **kata kerja** yang **betul** dalam ayat di bawah ini.

Pokok yang ditanam apabila sudah hidup subur boleh meredupkan serta menceriakan kawasan sekolah.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tuliskan (**BETUL**) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Pokok yang ditanam apabila sudah hidup subur boleh meredupkan serta menceriakan kawasan sekolah.

Pokok yang sudah hidup subur boleh ditanam di kawasan sekolah yang redup dan ceria.	
Kawasan sekolah boleh diredupkan serta diceriakan dengan tanaman pokok yang hidup subur.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu singgah di sebuah gerai untuk membeli makanan dan minuman. Malangnya keadaan gerai tersebut tidak bersih. Pada masa yang sama, kamu pula berasa amat lapar dan perlukan makanan untuk mengalas perut.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang dapat kamu lakukan?

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang kebersihan rumah.

Tuliskan pendapat kamu tentang **langkah-langkah menjaga kebersihan rumah**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



1 Tuliskan **cerita** berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan satu **catatan** berdasarkan gambar di atas.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.